

**D.R. 40/96**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta (Perbadanan) *Synod Diocese Malaysia Barat 1971*.

[ ]

BAHAWASANYA pada 8 April 1970 *Synod Diocese Malaysia Barat* telah ditubuhkan di Malaysia mengikut kuasa yang diberi oleh *Archbishop of Canterbury*, sebagai *Metropolitan* yang mempunyai bidang kuasa mengenai Mazhab Anglikan dalam Malaysia Barat:

DAN BAHAWASANYA *Synod Diocese Malaysia Barat* dan pengganti-penggantinya telah diperbadankan melalui Akta (Perbadanan) *Synod Diocese Malaysia Barat 1971*:

DAN BAHAWASANYA adalah suaimanfaat sekarang fungsi-fungsi *Archbishop of Canterbury* di bawah Akta itu dipindahkan kepada *Archbishop of the South-east Asia Province*:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang

bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

Tajuk ringkas. **1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta (Perbadanan) *Synod Diocese* Malaysia Barat (Pindaan) 1996.

Pindaan seksyen 3  
Akta 36 **2.** Akta (Perbadanan) *Synod Diocese* Malaysia Barat 1971 adalah dipinda dalam subseksyen 3(2) dan 3(5) dengan menggantikan perkataan "*of Canterbury*" dengan perkataan "*of the South-east Asia Province*".

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini adalah perlu disebabkan oleh pemindahan fungsi *Archbishop of Canterbury* di bawah Akta (Perbadanan) *Synod Diocese* Malaysia Barat 1971 kepada *Archbishop of the South-east Asia Province* berbangkit daripada penubuhan *Province* itu pada 2 Februari 1996.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang. [PN. (U<sup>2</sup>) 1951.]